

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**SOALAN**

**YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan dapat menjangkakan sempadan negara kita akan dibuka semula untuk pelancong asing dan apakah skim yang akan dilaksanakan dalam membantu industri pelancongan untuk memulakan proses pemulihan sektor ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan sempadan negara adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara. Sungguhpun demikian, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa berusaha untuk mencari kaedah alternatif bagi mempercepat pemulihan sektor pelancongan negara. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MOTAC untuk melaksanakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi bermula 15 November 2021 yang lalu sebagai langkah permulaan untuk Malaysia menerima semula kehadiran pelancong asing secara berperingkat. Projek rintis ini turut akan menilai pengadaptasian norma baharu serta pematuhan oleh semua pihak, sama ada pelancong mahupun penggiat industri pelancongan itu sendiri, kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19.

2. Projek rintis ini akan menjadi kayu pengukur kepada pembukaan lebih banyak Gelembung Perjalanan Antarabangsa ke destinasi-destinasi lain yang berpotensi berdasarkan penilaian sewajarnya oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan, sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dipertimbangkan. Meskipun begitu, MOTAC sentiasa bersedia untuk mempromosi destinasi pelancongan negara pada bila-bila masa bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita apabila sempadan negara dibuka sepenuhnya kelak.

3. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi seperti PENJANA, PEMERKASA, PEMULIH, dan PEMERKASA Plus yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan sambil mengekalkan pekerjaan, terutamanya rakyat Malaysia. Antara bantuan khas yang diberikan

## NO. SOALAN : 439

melalui MOTAC sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada tahun 2020 hingga sekarang adalah:

- (i) Bantuan khas *one-off* kepada agensi pelancongan yang berdaftar dan berlesen dengan MOTAC termasuk syarikat-syarikat MM2H yang mempunyai lesen *inbound* di bawah MOTAC;
- (ii) Bantuan kewangan *one-off* kepada pemandu pelancong di seluruh negara;
- (iii) Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin secara *one-off* kepada pengusaha spa dan pusat urutan kaki berdaftar dengan MOTAC; dan
- (iv) Bantuan khas *one-off* kepada pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia MOTAC.

4. Bagi meringankan beban penggiat-penggiat industri dalam tempoh pemulihan, bantuan-bantuan kewangan ini akan dilanjutkan pada tahun 2022. Bagi tujuan ini, MOTAC telah diperuntukkan sebanyak RM85 juta di bawah Bajet 2022 yang akan memanfaatkan pengusaha-pengusaha terjejas yang berlesen dan berdaftar di bawah MOTAC seperti agensi-agensi pelancongan, syarikat-syarikat MM2H, pemandu pelancong, pengusaha spa dan pusat urutan kaki serta pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia.

5. Di samping itu, MOTAC juga akan meneruskan usaha untuk membantu menghidupkan semula industri pelancongan negara melalui pelbagai inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan melalui Bajet 2022 seperti:

- (i) penyelenggaraan infrastruktur pelancongan;
- (ii) pemberian geran padanan bagi tujuan pembaikan hotel bajet dan homestay yang berdaftar di bawah MOTAC;

**NO. SOALAN : 439**

- (iii) pemberian geran padanan kepada syarikat yang menganjurkan program berkaitan seni dan budaya; dan
- (iv) dana galakan bagi tujuan aktiviti promosi dan pelancongan domestik.

6. Kerajaan juga menyediakan insentif dalam bentuk pembiayaan bagi membantu pemulihan industri pelancongan, antaranya *PENJANA Tourism Financing* (PTF) yang bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat perubahan supaya kekal berdaya saing selepas COVID-19. Tambahan pula, MOTAC juga menyediakan insentif-insentif seperti Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) dalam usaha menggalakkan pelaburan pelancongan kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan.

7. Selain itu, MOTAC turut menyediakan bantuan bukan kewangan bagi meringankan beban syarikat-syarikat pelancongan yang akan dilanjutkan sehingga 31 Mac 2022, antaranya adalah:

- (i) kelonggaran berkaitan kompaun;
- (ii) pengecualian fi lesen kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong; dan
- (iii) kelonggaran syarat lesen kepada pengusaha pelancongan, seperti permohonan pembaharuan lesen/ tambah bidang/ tambah cawangan tanpa laporan kewangan beraudit, kelonggaran keluasan premis, penyewaan premis perniagaan secara *co-share office space* dan kebenaran untuk menjalankan perniagaan lain di premis syarikat.

Sekian, terima kasih.